

# CARZEPIN TABLET

Carbamazepine (200 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Carzepin
2. Bagaimana Carzepin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Carzepin
4. Cara menggunakan Carzepin
5. Semasa menggunakan Carzepin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Carzepin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Carzepin

Rawatan untuk:

- sawan separa dengan simptomatologi kompleks (bermula di sebahagian otak dan memberi kesan kepada bahagian-bahagian lain otak yang melibatkan kewaspadaan dan kesedaran)
- sawan tonik-klonik (epilepsy)
- keadaan sakit pada muka yang dipanggil *trigeminal neuralgia*
- keadaan sakit di bahagian tekak, telinga, tonsil dan lidah yang dipanggil *glossopharyngeal neuralgia*

## Bagaimana Carzepin berfungsi

Bahan aktif dalam Carzepin Tablet, carbamazepine, adalah agen antikonvulsan, yang boleh memberi kesan kepada tubuh dalam beberapa cara yang berbeza. Mekanisme yang tepat mengenai cara ia berfungsi masih tidak diketahui tetapi ia dipercayai menstabilkan dan menghadkan penyebaran aktiviti saraf otak.

## Sebelum menggunakan Carzepin

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada *carbamazepine* atau ubat yang serupa atau mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini. Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk sesak nafas, berdehit atau kesukaran bernafas, bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian lain badan, ruam, atau gatal-gatal pada kulit

- anda mempunyai sebarang masalah jantung dipanggil *atrioventricular (AV) heart block*
- anda mempunyai sejarah depresi sumsum tulang
- anda mempunyai penyakit darah seperti *porphyria*
- anda sedang menyusukan bayi

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil ubat ini, bincang dengan pegawai farmasi atau doktor anda.

- *Sebelum mula mengguna*

Beritahu doktor/ pegawai farmasi jika:

- anda mempunyai alahan kepada *tricyclic antidepressants*
- anda pernah mempunyai reaksi alahan kepada ubat-ubatan lain
- anda mempunyai masalah jantung
- anda mempunyai masalah hati
- anda mempunyai masalah buah pinggang
- anda mempunyai diabetes
- anda mempunyai masalah mata yang dipanggil glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- anda mempunyai masalah membuang air kecil
- anda sedang menyusukan bayi
- anda hamil, rasa anda hamil, atau bercadang untuk hamil.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Carzepin boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh ubat-ubatan lain yang anda ambil. Beritahu doktor atau pegawai farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, dalam apa-apa bentuk yang dibeli atau diperolehi tanpa preskripsi. Dos untuk sesetengah ubat-ubatan mungkin perlu disesuaikan, atau dihentikan pengambilannya sama sekali.

Beritahu doktor jika anda mengambil ubat-ubatan berikut:

- Pil pencegah hamil
- Mana-mana ubat untuk kemurungan atau keresahan (contohnya *barbiturates, benzodiazepine,*

*tricyclic antidepressants, monoamide oxidase inhibitors*)

- Ubat-ubatan lain untuk merawat epilepsi (contohnya *hydantoins, primidone, succinimides, valproic acid*)
- Antikoagulan untuk menghentikan pembekuan darah
- Antibiotik (seperti *doxycycline, erythromycin* atau *troleandomycin*)
- Ubat tahan sakit (contohnya *propoxyphene*)
- *Monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs), yang digunakan untuk merawat kemurungan, dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

## Cara menggunakan Carzepin

Ikut arahan doktor atau pegawai farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Untuk digunakan secara oral.

*Dos biasa untuk rawatan epilepsi adalah: Dewasa*

Permulaan: 200 mg dua kali sehari pada hari pertama, boleh ditambah mengikut keperluan.

Penyelenggaraan: 800 mg sehingga 1.2 g sehari, dibahagi kepada 3 atau 4 dos.

*Kanak-kanak*

*Di bawah 6 tahun:*

Permulaan: 5 mg per kg berat badan sehari

Penyelenggaraan: 10 hingga 20 mg bagi setiap kg berat badan sehari, dibahagi, kepada 3 atau 4 dos.

*6 hingga 12 tahun:*

Permulaan: 100 mg dua kali sehari pada hari pertama, boleh ditambah mengikut keperluan.

Penyelenggaraan: 400-800 mg sehari, tidak melebihi 1 g, dibahagi kepada 3 atau 4 dos.

# CARZEPIN TABLET

Carbamazepine (200 mg)

Dos biasa untuk rawatan sakit adalah:

Dewasa

Permulaan: 100 mg dua kali sehari pada hari pertama, boleh ditambah mengikut keperluan.

Penyelenggaraan: 200 mg sehingga 1.2 g sehari dibahagi kepada 3 atau 4 dos.

- Bila perlu digunakan

Rawatan permulaan:

*Dewasa:* dua kali sehari

*Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:* dua kali sehari

Rawatan penyelenggaraan: tiga atau empat kali sehari

- Berapa lama perlu digunakan

Anda dinasihatkan untuk terus mengambil Carzepin selama tempoh yang diberitahu oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda bagi menggantikan dos yang terlepas.

Jika anda terlupa, ambil ubat dengan secepat mungkin setelah anda ingat. Tinggalkan dos tersebut jika hampir masa untuk mengambil dos yang seterusnya.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan pening, pergerakan tidak selaras (*ataxia*), pergerakan mata yang cepat dan tidak terkawal (*nystagmus*), perut tidak selesa, kesukaran untuk membuang air kecil dan refleks terlalu aktif.

**Semasa menggunakan Carzepin**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya :

- anda mempunyai pemikiran untuk mencederakan atau membunuh diri. Sebilangan kecil orang yang dirawat dengan antiepileptik seperti carbamazepine mempunyai pemikiran ini.
- anda melihat sebarang tanda-tanda tindak balas alahan dan tindak balas kulit yang serius. Ruam kulit yang serius [*Stevens-Johnson syndrome* dan *toxic epidermal necrolysis (Lyell's Syndrome)*] pernah dilaporkan berlaku semasa rawatan dengan carbamazepine. Ini boleh berlaku terutamanya pada bulan pertama rawatan. Berhenti mengambil ubat ini jika anda mempunyai simptom tersebut.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan:

- memberi Carzepin kepada orang lain walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda
- mengambil ubat untuk merawat sebarang penyakit lain melainkan anda diberitahu oleh doktor atau pegawai farmasi
- mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali pegawai farmasi atau doktor anda memberitahu anda
- berhenti mengambil ubat tiba-tiba walaupun keadaan anda bertambah baik.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera kerana Carzepin boleh menyebabkan rasa mengantuk.

Elakkan pengambilan minuman alkohol.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Carzepin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan boleh menjadi serius tetapi kebiasaannya ia

adalah ringan dan untuk tempoh sementara sahaja.

Berhenti mengambil Carzepin dan memberitahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami:

- reaksi serius kulit seperti ruam, kulit merah, bibir, mata atau mulut melepuh atau kulit mengelupas. Ruam kulit yang serius ini sering didahului oleh simptom-simptom selesema seperti demam, sakit kepala dan sakit badan.

Kesan sampingan yang biasa:

- Pening
- Mengantuk
- Loya
- Muntah
- Rasa tak stabil atau mendapati sukar untuk mengawal pergerakan.

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor secepat mungkin.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→Reporting*)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Carzepin**

- Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah 25°C. Jauhkan dari kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada pegawai farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

# CARZEPIN TABLET

Carbamazepine (200 mg)

---

## **Maklumat lanjut**

### - Rupa dan warna produk

Bulat, tablet putih tanpa salutan filem, berpinggir serong, permukaan rata, cetakan timbul "HOVID" pada satu permukaan dan goresan pada permukaan lain.

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan Aktif

Setiap Tablet Carzepin mengandungi  
200 mg carbamazepine

#### - Bahan-bahan Tidak Aktif

Hydroxypropyl Methylcellulose E-15  
Magnesium Stearate  
Sodium Starch Glycolate  
Polyvinylpyrrolidone  
Lactose Monohydrate  
Cornstarch  
Purified Water

### - Nombor MAL

MAL19860220AZ

## **Pengilang**

HOVID Bhd.

Lot 56442, 7 ½ Miles, Jalan Ipoh/  
Chemor, 31200 Chemor, Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

25/06/2015

## **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)010615/00134